

TAJUK : Kedah yakin KUIN dapat status universiti penuh
AKHBAR : Berita Harian Online
TARIKH : 19 Januari 2017 (Khamis)
URL : <https://www.bharian.com.my/node/236862>

[Utara](#)

Kedah yakin KUIN dapat status universiti penuh

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my
Kongsi artikel



DATUK Tajul Urus Mat Zain. - Foto Amran Hamid

ALOR SETAR: Kolej Universiti Insaniah (KUIN) selaku institusi pengajian tinggi (IPT) milik penuh kerajaan negeri diyakini mampu dinaik taraf kepada status universiti penuh tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Kerja Raya negeri, Datuk Tajul Urus Mat Zain, berkata ia berikutan status terkini KUIN yang hanya memerlukan satu saja syarat untuk dipenuhi, sebelum hasrat ia dinaik taraf sebagai universiti penuh dapat direalisasikan.

Mengulas syarat itu, beliau berkata KUIN perlu memenuhi kriteria ditetapkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu bilangan tenaga pengajar berstatus Profesor yang harus melebihi 10 peratus, selain 20 peratus Profesor Madya.

"Sehingga kini kita belum mencapai perkara itu, menyebabkan KUIN belum boleh dinaik taraf sebagai universiti penuh. Dalam isu ini kita mengutamakan kualiti...Sehubungan itu, pembentangan akan dibuat kepada KPT untuk menjelaskan strategi dan perancangan sumber manusia bagi memenuhi keperluan tenaga pengajar tahap Profesor dan Profesor Madya yang diperlukan dalam tempoh terdekat, " katanya pada sidang media di Wisma Darul Aman, di sini.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang bersedia memberikan perhatian kepada usaha menaik taraf KUIN kepada universiti penuh, sekiranya memenuhi syarat diperlukan ketika lawatannya di Kuala Ketil di Baling, Selasa lalu.

Pada masa sama, Tajul Urus berkata ketika membuat permohonan kepada KPT untuk menaik taraf KUIN pada 17 Disember 2015, markah penilaian diperoleh hanyalah sebanyak 78.19 peratus, sekali gus tidak melepasi markah ditetapkan.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan negeri mengambil beberapa inisiatif bagi meningkatkan markah penilaian KUIN bagi membolehkan ia layak dinaik taraf, termasuk menambah modal berbayar daripada RM250,000 kepada RM20 juta.

Selain itu, katanya, kriteria lain yang akan diberi tumpuan termasuk kursus matang dan mendapat akreditasi penuh mencapai 93 peratus, kursus peringkat ijazah kedoktoran (PhD) mencapai 9.09 peratus dan kakitangan akademik berkelulusan sarjana pada kadar 98 peratus.

"Penyata kewangan KUIN turut mencatat keuntungan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 iaitu antara syarat mendapat universiti penuh, selain nisbah ekuiti kepada dana peminjam melebihi 2:1," katanya.